

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

14. Merencanakan ekonomi DUN Telok Bahang.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk merencanakan aktiviti ekonomi di DUN Telok Bahang?
 - (b) Bagaimanakah penduduk Telok Bahang dapat mengambil bahagian di dalam aktiviti tersebut?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti Telok Bahang sebagai zon pelancongan pantai peranginan. Dalam usaha untuk mengekalkan Telok Bahang sebagai zon pelancongan, dua (2) projek pembangunan hotel baharu iaitu Angsana Teluk Bahang dan Bahang Bay Hotel telah dibina pada tahun 2020 di kawasan Teluk Bahang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memperkasakan produk-produk pelancongan agro dan eko melalui perancangan dan program yang dapat menarik kedatangan pelancong yang ramai di kawasan Telok Bahang.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah membuat perancangan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi di seluruh Pulau Pinang termasuk DUN Telok Bahang agar manfaat dapat diterima oleh seluruh penduduk Pulau Pinang. Beberapa program dan inisiatif daripada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(i) **Penyediaan program bantuan untuk menggalakkan golongan usahawan**

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melaksanakan Skim Pinjaman Harapan untuk golongan usahawan bagi mengembangkan modal perniagaan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) bagi mendorong golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya.

(ii) **Pemberian bantuan untuk nelayan pesisir pantai**

Kerajaan Negeri memberikan bantuan nelayan pesisir pantai bagi membantu golongan nelayan untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan.

(iii) **Program sokongan untuk usahawan**

Kerajaan Negeri melalui @CAT menggalakkan usahawan melalui program start up dan memberikan bantuan sokongan digital untuk mengembangkan perniagaan dan ekonomi.

(iv) **Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)**

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperolehi hasil yang lebih lumayan.

- (b) Kerajaan Negeri yakin bahawa perancangan untuk merencanakan ekonomi di Telok Bahang dapat menyediakan peluang pekerjaan dan penduduk boleh mengambil bahagian dalam peluang pekerjaan yang ditawarkan.